

## **GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN IBADAT PUASA BAGI PESAKIT COVID-19 DAN MEREKA YANG DIKUARANTIN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERKARA YANG BERKAITAN SELEPASNYA**

1. Sehubungan dengan penyebaran wabak penyakit COVID-19 ke seluruh dunia amnya dan Malaysia khususnya, telah merubah bentuk kehidupan masyarakat seharian. Ia telah mengubah kebiasaan masyarakat yang telah sekian lama diamalkan kepada satu bentuk kebiasaan yang baru. Antara aspek yang mengalami perubahan drastik ialah hubungan interaksi kemasyarakatan dan beberapa kaedah beribadat tertentu.
2. Susulan usaha kerajaan membendung wabak ini di Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada seluruh rakyat serta perintah kuarantin bagi mereka yang berada di bawah siasatan *Patient Under Investigation (PUI)*. Perintah Kawalan Pergerakan telah melalui 3 fasa bermula dengan fasa 1 dari 18-31 Mac, diikuti dengan fasa 2 dari 1-14 April dan fasa 3 dari 16-28 April.
3. Di samping itu Kerajaan juga telah mewajibkan kuarantin bagi pesakit yang berada di bawah siasatan (*PUI*) sama ada mereka di tempatkan di pusat kuarantin yang khusus atau hanya perlu dikuarantinkan di rumah masing-masing. Pesakit yang telah dijangkiti wabak ini akan ditempatkan di hospital-hospital tertentu untuk rawatan pemulihan. Keadaan mereka berbeza mengikut tahap keseriusan penyakit masing-masing. Sebaliknya bagi mereka yang dikuarantin lazimnya mereka tidak memperlihatkan apa-apa gejala penyakit kecuali mungkin selepas tempoh tertentu. Kuarantin ini adalah sebagai salah satu langkah berjaga-jaga (*ihitiyati*) bagi mengelak penularan wabak ini ke dalam masyarakat.
4. Oleh sebab tempoh PKP dan kuarantin tidak dapat ditentukan buat masa ini dan mungkin berlanjutan sepanjang bulan Ramadan maka di sini dijelaskan panduan hukum berpuasa dan kaedah pelaksanaannya bagi mereka yang terlibat.

### **KAEDAH PELAKSANAAN IBADAH PUASA PADA BULAN RAMADAN**

#### **A) Puasa Bagi Pesakit COVID-19.**

Puasa Ramadan adalah satu kefarduan kepada setiap mukalaf sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Quran melalui ayat 183 surah al-Baqarah. Namun demikian, terdapat segolongan mereka yang diberikan kelonggaran hukum (rukhsah) dalam melaksanakan

kewajiban ini. Antara mereka yang beri kelonggaran itu ialah orang sakit dan musafir (al-Baqarah:184).

Maksud sakit dalam ayat di atas bukanlah semata-mata sakit, tetapi sakit yang **mendatangkan *masyaaqqah*** (kepayahan melebihi kadar biasa) atau mendatangkan **kemudaratan kepada pelakunya** jika ibadah tersebut terus dilaksanakan<sup>1</sup>.

Para ulama telah membahagikan sakit yang dibolehkan untuk tidak berpuasa kepada 2 bentuk;

1. Sakit yang tidak boleh dirawat dan tiada harapan untuk sembuh. Sakit dari kategori ini biasanya akan berpanjangan dihidapi sehingga ke akhir hayat (mati). Mereka dari kategori ini tidak diwajibkan berpuasa (sama seperti orang tua), sebaliknya cukup dengan membayar fidyah bagi setiap hari yang ditinggalkan.
2. Sakit yang boleh dirawat dan ada harapan untuk sembuh. Sakit dari jenis ini terbahagi kepada beberapa kepada beberapa kategori seperti berikut:
  - i. Sakit yang ringan dan tidak menghalang ibadat puasa, seperti pening yang ringan atau luka di jari. Jumhur fuqaha' berpandangan mereka ini wajib berpuasa.
  - ii. Sakit yang kuat dan tidak memungkinkan pelaksanaan ibadat puasa pada adatnya. Dengan kata lain jika puasa diteruskan akan membawa mudarat kepada pelakunya. Dalam keadaan ini mereka dibolehkan berbuka, bahkan menjadi wajib jika dengan berpuasa boleh mumudaratkan.
  - iii. Sakit yang pertengahan antara dua kategori sakit di atas. Di mana seseorang itu merasa *zhan* (sangkaan berasas) dengan melaksanakan ibadah puasa akan menambahkan kesakitan atau melambatkan proses penyembuhan. Pesakit dari kategori ini diharuskan untuk berbuka puasa<sup>2</sup>.
  - iv. Mereka yang sihat, namun khuatir dengan sebab berpuasa akan menyebabkan ia sakit atau berlaku kemudaratan kepada dirinya<sup>3</sup> (al-Baqarah:195).

---

<sup>1</sup> al-Qaradhawy Yusuf (1991) Fiqh al-Siyam. Cairo: Dar al-Sahwah. Hal. 56.

(المشقة : العسر والعناء الخارجين عن حد العادة في الإحتمال).

<sup>2</sup> Muhammad Uthman Syubair (2007) al-Qawaid al-Kulliyah wa al-Dhawabith al-Fiqhiyyah Fi al-Syari'at al-Islamiyyah. Beirut: Dar al-Nafais. Hal. 199

<sup>3</sup> Al-Qaradhawy. Yusuf (1991) Fiqh al-Siyam. Cairo: Dar al-Sahwah. Hal. 60

Berdasarkan pembahagian ini sakit COVID-19 boleh dibahagikan mengikut kategori berikut:

1. **Sakit yang kritikal**: iaitu sakit yang akhirnya membawa kepada kematian. Pesakit seperti ini mengambil hukum sama seperti orang tua yang uzur, tidak perlu berpuasa sebaliknya menggantikannya dengan bayaran fidyah bagi setiap hari yang ditinggalkan.
2. **Sakit yang kuat tetapi tidak kritikal**: mereka wajib berbuka puasa dan perlu menggantikannya (qada') apabila telah sihat.
3. **Sakit yang tidak menampakkan gejala atau wujud gejala yang tidak ketara namun dikhuatiri dengan sebab berpuasa akan mendatangkan kemudaratan**. Mereka di bolehkan berbuka, namun jika dinasihati oleh doktor yang amanah untuk berbuka maka ia wajib berbuka puasa.

## **B) Puasa Bagi Mereka Yang Dikuarantin.**

Bagi mereka yang dikuarantin sama ada ditempatkan di pusat-pusat kuarantin yang disediakan atau di rumah masing-masing boleh dibahagikan kepada dua keadaan:

1. **Jika tiada sebarang tanda-tanda gejala sakit COVID-19** maka wajib meneruskan puasa seperti biasa. Ini kerana kewajipan berpuasa sabit melalui dalil yang qat'ie. Kewajipan berpuasa tidak akan gugur dengan semata-mata andaian seseorang itu telah atau akan dijangkiti penyakit COVID-19. Dalam isu ini kaedah fiqhiyyah ada menyebut *لا عبرة للتوهم*<sup>4</sup>.
2. **Jika lahir tanda-tanda yang tidak pasti** seperti batuk, demam dan sebagainya, sekiranya individu tersebut merasa khuatir dengan kesihatannya, ia boleh berbuka puasa dengan mengambil langkah-langkah yang patut untuk mengelakkan penyakit tersebut seperti memperbanyakkan minum air atau mengambil vitamin tertentu bagi menguatkan imunisasi badan atau sebagainya. Kekhuatiran seperti ini telah mencapai tahap *zhan* atau *zhan al-ghalib*<sup>5</sup>. Sebaliknya, jika ia dinasihati oleh doktor yang amanah agar berbuka puasa maka ia wajib baginya berbuka puasa.

---

<sup>4</sup> Mustafa Ahmad Zarqa', *Sharh al-qawa'id*, hlm. 363

<sup>5</sup> Termasuk dalam makna yakin ialah *zan al-ghalib*. Ini kerana majoriti hukum fikah terbina atas *zan al-ghalib* bukan atas yakin. Ruj. Al-Nawawy (t.t) Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab. Cairo: Matba'ah al-Muthi'ie. Hal. 233.

### **C) Puasa bagi pesakit COVID-19 dan Pesakit Di bawah Siasatan (PUI) yang telah bebas**

Bagi pesakit COVID-19 dan pesakit di bawah siasatan (PUI) yang telah bebas, mereka wajib berpuasa seperti orang yang sihat kecuali mendapat nasihat sebaliknya dari doktor yang amanah atas sebab kesihatan bagi tujuan berjaga-jaga (*ihtiyati*).

### **D) Panduan Berpuasa Bagi Pesakit COVID-19 dan Pesakit Di bawah Siasatan (PUI)**

Berikut adalah panduan berpuasa yang perlu diberi perhatian oleh pesakit COVID-19 dan pesakit di bawah siasatan (PUI).

1. Bagi mereka yang tidak dibenarkan berpuasa hendaklah berdetik di hati untuk melakukan puasa jika diizinkan oleh Allah SWT, manakala bagi mereka yang dibolehkan berpuasa hendaklah berniat puasa di malam hari atau ketika bersahur
2. Melaksanakan puasa mengikut kemampuan diri masing-masing.
3. Dibolehkan berbuka bagi mereka yang tidak mampu meneruskan puasa atau mereka yang perlu berbuka untuk tujuan rawatan.
4. Keperluan berbuka diketahui dengan cara:
  - i. Pesakit meyakini/mengetahui (sekalipun secara zan) keadaan dirinya jika terus berpuasa akan memudaratkan diri, sama ada akan menambahkan kesakitan atau melambatkan penyembuhan.
  - ii. Dinasihati oleh seorang doktor yang amanah.
5. Pesakit yang tidak berpuasa hendaklah menghormati bulan Ramadan dengan menjaga adab-adab tertentu seperti tidak makan di khalayak ramai kecuali terpaksa dan makan mengikut keperluan.
6. Bagi pesakit yang tidak berpuasa, mereka perlu berazam untuk menggantikannya apabila diizinkan Allah SWT serta tidak meninggalkan kewajipan-kewajipan ibadah lain seperti solat fardu serta memperbanyakkan ibadah-ibadah sunat seperti solat-solat sunat, bacaan al-Quran, berselawat, berdoa dan bersedekah.

Disediakan oleh :

Jabatan Mufti Negeri Perak